

14 JAN 1996

Umno - Bonus

UMNO MELAKA MAHU UNDI BONUS DIHAPUSKAN

MELAKA, 14 Jan (Bernama) -- Umno Melaka hari ini mencadangkan supaya dihapuskan sistem undi bonus yang melayakkan calon presiden dan timbalan presiden parti mendapat 10 undi daripada setiap pencalonan.

Umno negeri juga mahu calon yang ingin bertanding kedua-dua jawatan itu hanya layak bertanding setelah mendapat pencalonan sekurang-kurangnya 25 peratus bahagian-bahagian Umno.

Cadangan berkenaan adalah antara tujuh resolusi yang diluluskan oleh Badan Perhubungan Umno Melaka pada Seminar Perlembagaan Umno yang berlangsung di sini hari ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mohd Ali Rustam berkata Umno negeri berpendapat sistem pemberian undi bonus tidak begitu menepati hasrat anggota parti dan percaya pemansuhannya tidak akan memberi kesan.

"Kita sebaliknya yakin syarat kelayakan 25 peratus itu akan dapat mengelakkan berlakunya pertandingan bagi merebut dua jawatan penting parti itu," katanya.

Dengan syarat seperti itu, tidak akan berlaku lagi pertandingan "main-main" oleh calon yang mendapat minimum dua pencalonan untuk melayakkan diri menentang presiden, kata Mohd Ali.

"Kita juga mencadangkan supaya syarat minimum untuk layak bertanding jawatan ketua dan timbalan ketua bahagian ialah calon mesti mendapat sekurang-kurangnya pencalonan daripada 20 peratus cawangan," katanya.

Resolusi lain yang turut diluluskan ialah mengenai kelayakan bertanding bagi anggota parti.

Anggota yang ingin bertanding jawatan peringkat cawangan mestilah menjadi anggota lebih dua tahun, peringkat bahagian lebih tiga tahun dan peringkat majlis tertinggi pula lima tahun ke atas.

Satu lagi resolusi ialah meminta supaya Pengerusi Perhubungan Umno negeri dilantik secara automatik sebagai anggota Majlis Tertinggi dan kerana itu jumlah anggota MT hendaklah ditambah.

Umno negeri juga mahu syarat kelayakan menjadi anggota Umno diperketatkan bagi mereka yang dipecat daripada parti dan bekas anggota parti pembangkang.

Mohd Ali berkata semua resolusi itu akan dikemukakan segera kepada Jawatankuasa Sementara parti yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kira-kira 300 pemimpin lima bahagian Umno, Pemuda dan Wanita negeri menyertai seminar sehari itu. -- BERNAMA